

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat bagi 9 Jun 2014 hingga 19 Jun 2014, memandangkan ianya menyentuh perkara yang sama.

Aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas dijalankan berdasarkan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya. Pembayaran royalti juga terkandung dalam PSC.

Manakala peruntukan mengenai bayaran royalti atas hasil pengeluaran petroleum kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah terkandung dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Perjanjian Royalti. Perjanjian bayaran royalti ditandatangani di antara PETRONAS dan setiap Kerajaan negeri bagi 5 peratus royalti dan juga di antara PETRONAS dan Kerajaan Pusat bagi royalti sebanyak 5 peratus.

Mengikut perjanjian PSC hasil pengeluaran minyak dan gas akan dibahagikan antara PETRONAS dan rakan PSC selepas ditolak bayaran royalti bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kos pengeluaran dan operasi dan cukai petroleum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 32**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dengan terperinci rasional konsesi KLIA2 bagi Malaysian Airports Holdings Berhad (MAHB) dipanjangkan ke 45 tahun walaupun syarikat tersebut dijangkakan akan terus mendapat keuntungan dengan bayaran konsesi yang tinggi pada konsesi sepanjang 20 tahun.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman YB Lembah Pantai, berkenaan dengan cadangan untuk memanjangkan tempoh konsesi Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi KLIA2 adalah masih dalam peringkat perbincangan antara MAHB dan Kerajaan. Oleh yang demikian, Kementerian masih menunggu hasil perbincangan antara MAHB dan Kerajaan tentang perkara ini untuk perancangan yang akan datang.